

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL
AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 8 OGOS 2017

RUJUKAN : 10048

SOALAN :

**Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik Jenayah Seksual
Terhadap Kanak-Kanak sepanjang tahun lalu hingga awal tahun ini
dan apakah langkah-langkah yang dilakukan bagi mengatasinya.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius jenayah seksual terhadap kanak-kanak kerana jenayah ini boleh mengakibatkan “trauma” yang berpanjangan dan boleh merencatkan perkembangan minda serta boleh menghancurkan masa depan insan yang tidak berdosa ini.

Kategori jenayah seksual terhadap kanak-kanak melibatkan jenayah rogol, perlakuan di luar tabii, sumbang mahram dan mencabul kehormatan.

Statistik kesalahan rogol melibatkan mangsa umur bawah 18 tahun dari tahun 2016 hingga Mei 2017 adalah seperti berikut:

KONTINJEN	2016	2017
PERLIS	20	11
KEDAH	113	29
PULAU PINANG	51	18
PERAK	68	33
SELANGOR	228	79
KUALA LUMPUR	49	27
NEGERI SEMBILAN	75	28
MELAKA	39	24
JOHOR	202	51
PAHANG	102	45
TERENGGANU	68	10
KELANTAN	108	23
SABAH	122	49
SARAWAK	105	40
JUMLAH	1,350	467

Statistik kesalahan sumbang mahram melibatkan mangsa umur bawah 18 tahun dari tahun 2016 hingga Mei 2017 adalah seperti berikut:

KONTINJEN	2016	2017
PERLIS	2	1
KEDAH	23	3
PULAU PINANG	8	6
PERAK	8	10
SELANGOR	27	13
KUALA LUMPUR	4	5
NEGERI SEMBILAN	12	5
MELAKA	9	4
JOHOR	21	13
PAHANG	12	9
TERENGGANU	6	4
KELANTAN	20	7
SABAH	42	22
SARAWAK	8	10
JUMLAH	202	112

Statistik kesalahan luar tabii melibatkan mangsa umur bawah 18 tahun dari tahun 2016 hingga Mei 2017 adalah seperti berikut:

KONTINJEN	2016	2017
PERLIS	1	2
KEDAH	20	4
PULAU PINANG	8	1
PERAK	19	3
SELANGOR	52	22
KUALA LUMPUR	26	11
NEGERI SEMBILAN	9	6
MELAKA	10	10
JOHOR	25	14
PAHANG	10	3
TERENGGANU	4	5
KELANTAN	10	8
SABAH	14	8
SARAWAK	11	5
JUMLAH	219	102

Statistik kesalahan mencabul kehormatan melibatkan mangsa umur bawah 18 tahun dari tahun 2016 hingga Mei 2017 adalah seperti berikut:

KONTINJEN	2016	2017
PERLIS	10	1
KEDAH	47	15
PULAU PINANG	26	13
PERAK	48	10
SELANGOR	117	61
KUALA LUMPUR	52	35
NEGERI SEMBILAN	40	20
MELAKA	32	19
JOHOR	97	40
PAHANG	33	17
TERENGGANU	38	13
KELANTAN	27	20
SABAH	65	29
SARAWAK	28	16
JUMLAH	660	309

Dalam menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak, PDRM sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam menggubal dan mengemaskini Dasar Wanita Negara serta Dasar Kanak-Kanak Negara. PDRM mempunyai jalinan kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO's) dalam aktiviti pencegahan melalui kempen kesedaran iaitu *Women Awareness Campaign (WAC)* dan *Child Awareness Campaign (CAC)* dengan memberikan penekanan dalam aspek pendidikan moral, agama dan langkah-langkah keselamatan diri bagi mengelak menjadi mangsa jenayah seksual.

Selain daripada kempen-kempen yang dijalankan, perhatian turut diberi terhadap inisiatif untuk menangani mangsa dan saksi jenayah seperti berikut:

- i) perkhidmatan *One Stop Crisis Centre (OSCC)* yang disediakan di hospital khusus bagi menangani mangsa secara lebih profesional, demi menjaga maruah dan pada masa yang sama mangsa lebih selesa untuk memberi keterangan;
- ii) menyediakan khidmat kaunseling dan *triage* di balai-balai polis untuk membolehkan perhatian segera dan serta merta diberikan terhadap kes-kes traumatik dan segala laporan atau keterangan dapat diberi dalam bilik khusus yang tidak terdedah kepada pendengaran orang ramai; dan

- iii) perkhidmatan kaunseling dan bantuan sokongan yang bersesuaian bagi mangsa yang memerlukan di Pusat Sokongan Mangsa PDRM (*Victim Care Centre – VCC*);

PDRM sentiasa meningkatkan kualiti penyiasatan agar lebih banyak kes berjaya dibawa ke muka pengadilan untuk sabitan dan pesalah akan menerima hukuman setimpal dengan perbuatan mereka. PDRM telah menubuhkan "*Malaysia Internet Crime Againsts Children (MICAC)*" bagi menjalankan pemantauan penyiasatan operasi bersabit jenayah siber seksual terhadap kanak-kanak. Selain itu, PDRM juga terlibat secara langsung dalam penyediaan Rang Undang-Undang berkaitan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang telah diwartakan dan berkuatkuasa mulai 10 Julai 2017.